



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

Pelaksanaan Pemasangan Pemantul Cahaya MS 828:2011 dan Penggunaan Segi Tiga Keselamatan di bawah Kaedah 101A Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembuatan Dan Penggunaan) 1959

Kajian mendapati banyak laporan kemalangan melibatkan kenderaan perdagangan dan bas berlaku di lorong-lorong kecemasan dan laluan perlahan. Berdasarkan kepada statistik Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), PDRM sebanyak 1,713 kes kemalangan langgar belakang yang telah dicatatkan yang melibatkan kenderaan perdagangan dan 3,318 saman bagi kesalahan lampu belakang yang tidak berfungsi telah dikeluarkan

Justeru itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bersama-sama pihak SIRIM telah membangunkan spesifikasi pemantul cahaya yang mengikut piawaian *Malaysian Standard* MS828:2011 (*Rear & Side Marking*) dan segi tiga keselamatan mengikut kaedah 101A (Pembuatan dan Penggunaan) 1959. Pematuhan kepada piawaian ini bertujuan untuk memastikan pemantul cahaya yang digunakan pada kenderaan perdagangan tersebut adalah berkualiti dan mematuhi matlamat penggunaannya. Ini bagi

memastikan ianya mudah dilihat dengan jelas oleh pengguna kenderaan lain pada waktu malam di sesuatu jarak.

Berkaitan hal pemasangan produk pemantul cahaya ini, pihak JPJ hanya membenarkan penggunaan pemantul cahaya yang mematuhi piawaian MS828:2011 sahaja. Sekiranya selepas ini terdapat produk dari syarikat lain yang mematuhi piawaian MS828:2011, JPJ boleh mempertimbangkan dengan syarat mendapat pengiktirafan dari pihak SIRIM. Ketulenan produk pemantul cahaya ini dapat dikenal pasti melalui pemeriksaan di PUSPAKOM dan penguatkuasaan di jalan raya.

Bagi penggunaan segi tiga keselamatan pula, ianya merujuk kepada Kaedah 101A, Kaedah – Kaedah kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan) 1959. Setiap pemandu kenderaan hendaklah membawa segitiga keselamatan dan menggunakannya ketika kenderaan tersebut tidak dapat bergerak akibat kerosakan di mana-mana jalanraya. Segitiga keselamatan tersebut hendaklah diletakkan pada jarak tidak kurang daripada 45 meter dari belakang kenderaan tersebut supaya dapat memberikan amaran awal kepada kenderaan lain yang menghampirinya dari arah belakang. Pada ketika ini, spesifikasi segitiga keselamatan tersebut adalah mematuhi kepada Peraturan United Nation (UN) R27 : Advance Warning Device.

Usaha Kerajaan dalam menguatkuasakan pelaksanaan undang-undang berkaitan dengan perkara ini adalah untuk memastikan kelestarian dan keharmonian keselamatan jalan raya. JPJ sentiasa komited membantu mengenal pasti sebarang *hazard* atau mara bahaya di jalan raya dan seterusnya mengurangkan risiko-risiko yang mungkin boleh mengakibatkan kemalangan di jalan raya. Namun begitu, perkara ini amat mustahil untuk dilakukan tanpa sokongan dan kerjasama daripada masyarakat dalam mencapai aspirasi jalan raya yang selamat.

Ibu Pejabat

Jabatan Pengangkutan Jalan

Malaysia

7 Februari 2018